
POST EVENT RELEASE

For Immediate Release

Kempen ‘Merdeka Cara Kita’ oleh Resorts World Pupuk Patriotism di atas Awan

Genting Highlands, 18 September 2023 – Sempena sambutan Kemerdekaan ke-66 negara, Resorts World Genting (RWG), resort bersepadu terulung Malaysia dengan bangganya telah menganjurkan kempen ‘Merdeka Cara Kita’ pada 30 Ogos 2023. Acara ini telah menarik pelbagai pengunjung ke Resort sempena cuti Hari Kebangsaan.

Acara kemuncak pada sebelah petang ialah pelancaran Pertunjukan SkySymphony ‘Merdeka Cara Kita’ yang berlangsung di Aras 1, SkyAvenue pada jam 8:30 malam. Pertunjukan baharu ini merupakan persembahan bermusim yang dibuat khas sempena Hari Kebangsaan yang akan dipersembahkan pada setiap hari pada jam 10 pagi, 2 petang dan 6 petang sehingga 30 September 2023.

Pelancaran kempen telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia), Y Bhg Dato' Dr. Ammar Abd. Ghapar yang turut merasmikan persembahan SkySymphony. Turut hadir pada majlis itu ialah Encik Spencer Lee, Naib Presiden Kanan Jualan dan Pemasaran. Majlis dimulakan dengan video "Saya Anak Malaysia" yang dihasilkan oleh RWG sendiri, diikuti dengan pertunjukan 1,001 bola kinetik SkySymphony ‘Merdeka Cara Kita’ yang dinanti-nantikan, menceritakan kisah Mia dan Raja, siamang yang pandai menari, mengambil bahagian dalam pelbagai perayaan kebudayaan yang membawa kepada persembahan kemuncak di Resorts World Genting.

Dalam ucapannya, Dato' Dr. Ammar berkongsi bahawa Genting Highlands sentiasa ada di hati rakyat Malaysia sebagai satu destinasi melarikan diri dari kepanasan dan kesibukan hidup, dan memasuki dunia ajaib di atas bukit. Beliau menambah bahawa RWG juga telah menjadi tempat kegemaran pelancong antarabangsa dengan pelbagai kemudahan dan hiburan yang terdapat di sini.

“Dengan pembukaan Taman Tema Genting SkyWorlds, taman tema antarabangsa baru di negara ini yang dibuka pada Februari 2022 telah menyaksikan perkembangan pesat industri pelancongan Malaysia, sehingga menerima pengiktirafan kelas Platinum oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya baru-baru ini. Saya juga difahamkan bahawa Genting SkyWorlds telah dinobatkan sebagai salah satu taman tema terbaik di dunia oleh CNN! Ini bukan sahaja satu pencapaian untuk RWG tetapi juga untuk Malaysia,” tambah beliau lagi. Mengakhiri ucapannya, Dato’ Dr. Ammar menggesa kerjasama berterusan antara Tourism Malaysia dan RWG untuk mempromosikan Genting Highlands dan produknya sebagai sebuah destinasi percutian dan menyumbang kepada ekonomi negara.

Dalam ucapannya, Encik Spencer Lee menyebut bagaimana sambutan ‘Merdeka Cara Kita’ di RWG mampu menyatukan orang ramai pada ketinggian 6,000 kaki di atas paras laut yang menyerlahkan semangat Malaysia. "Sebagai satu-satunya resort bersepadu utama Malaysia, kami telah mewujudkan peluang kerjaya untuk lebih 9,000 individu berbakat dan jumlah ini semakin bertambah. Dari memartabatkan nama hospitaliti Malaysia sehinggalah mengalu-alukan kehadiran tetamu dari seluruh dunia, sumbangan kami kepada pelancongan Malaysia tiada tandingannya", kata Encik Spencer.

Sempena Hari Merdeka dan Hari Malaysia ke-66 ini, RWG menjemput pengunjung untuk menikmati pengalaman rumah jauh dari rumah di atas awan dengan pelbagai aktiviti, pilihan tempat makan dan tujuh penginapan berbeza untuk pengalaman percutian yang tidak dapat dilupakan. Pintu masuk pengembalaan anda bermula di RWG!

– Ends –

For media enquiries, please contact:

Ms Michelle Wong

Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Evin Chan

Executive
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 2333 6742
Email: evin.chan@rwgenting.com

About Genting Malaysia

Genting Malaysia is one of the leading leisure and hospitality corporations in the world. Listed on Bursa Malaysia with approximately RM16 billion in market capitalisation, Genting Malaysia owns and operates major resort properties including Resorts World Genting (RWG) in Malaysia, Resorts World New York City (RWNYC), as well as Resorts World Catskills (RW Catskills) and Resorts World Hudson Valley (which are

49%-owned via an associate company), in the United States (US), Resorts World Bimini (RW Bimini) in the Bahamas, Resorts World Birmingham (RW Birmingham) and over 30 casinos in the United Kingdom (UK), and Crockfords Cairo in Egypt. Genting Malaysia also owns and operates two seaside resorts in Malaysia, namely Resorts World Kijal in Terengganu and Resorts World Langkawi on Langkawi island.

With about 10,500 rooms across seven distinct hotels, RWG is Malaysia's premier integrated resort destination. The resort also features wide-ranging leisure and entertainment facilities, including gaming, theme park and amusement attractions, dining and retail outlets, as well as international shows and business convention facilities. Genting SkyWorlds Theme Park, a first class, world-class theme park is a key attraction in augmenting RWG's integrated entertainment line-up. Additionally, Genting Highlands Premium Outlets (a joint venture between Genting Plantations Berhad and Simon Property Group) at the mid-hill, further complement RWG's extensive premium offerings and exemplifies its position as a leading provider of leisure and entertainment in the region.

Genting Malaysia is a member of the Genting Group, one of Asia's leading and best-managed multinational companies. The Genting Group is led by Tan Sri Lim Kok Thay, a visionary entrepreneur who has successfully established the Resorts World brand as a leader in the leisure and hospitality sector in Malaysia, Singapore, the US, the Bahamas and the UK. Tan Sri Lim Kok Thay also has significant investments in other industries globally including oil palm plantations, property development, power generation, oil and gas and biotechnology.